

**SOALAN NO: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]**  
**TARIKH : 20 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab penggunaan vaksin denggi Dengvaxia di Malaysia masih belum diluluskan oleh Kerajaan, sedangkan negara-negara jiran yang lain termasuk Indonesia, Filipina, dan Thailand telah meluluskan vaksin tersebut. Adakah isu ini disebabkan kekangan kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Vaksin denggi berjenama Dengvaxia telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dalam mesyuaratnya bertarikh 31 Oktober 2016. Surat kelulusan produk yang mengandungi syarat-syarat pendaftaran telah dikeluarkan kepada syarikat Sanofi-Aventis (M) Sdn Bhd pada 10 November 2016. Pendaftaran bersyarat selama dua (2) tahun.